

D724

U B616 BAH

KABINET-TANAH

KUALA LUMPUR, 2 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGARAHKAN PIHAK-PIHAK PENILAI HAL TANAH SWASTA DAN KERAJAAN DI NEGARA INI MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH MENGATASI HARGA TANAH YANG TINGGI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU KABINET DALAM MESYUARAT MINGGUANNYA HARI INIBAHAWA NILAI DAN HARGA TANAH SERTA RUMAH AMATLAH TINGGI DAN TIDAK SELARAS DENGAN KEMAMPUAN RAKYAT.

MENTERI PENERANGAN, DATUK RAIS YATIM MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN LEBIH 21 ORANG WAKIL KELAB UMNO DI SEBERANG LAUT DI SINI HARI INI.

DATUK RAIS BERKATA KABINET DIBERITAHU BAHAWA SATU LANGKAH PERLU DIAMBIL OLEH PENILAI SWASTA ATAU KERAJAAN SUPAYA ARAH ALIRAN YANG TINGGI ITU DAPAT DIKAWAL.

KATANYA KABINET AKAN MENUNGGU SUSULAN LANJUT DARIPADA LANGKAH ITU YANG AKAN DIAMBIL OLEH PENILAI YANG AKAN DIKEMUKAKAN NANTI.

DATUK RAIS BERKATA, KERAJAAN MAHU PERKARA INI DISIASAT SUPAYA KEPENTINGAN RAKYAT TERJAMIN DALAM SOAL PEMILIKAN RUMAH.

PENILAI MESTILAH Mencari JALAN MENGATASI MASALAH ITU DENGAN SEGERA. -- BERNAMA.

2010MST 02 10 85